

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 6 (37)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2018-2020)
BILANGAN 12 TAHUN 2019**

Tarikh : 13 Disember 2019 (Jumaat)
Masa : 10.00 Pagi – 11.31 Pagi
Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

Hadir : Seperti dilampiran kehadiran.

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 14 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan November dan Disember 2019.

3. PERUTUSAN Pengerusi

3.1 YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas segala nikmat kurniaan kesihatan yang diberikan kepada kita semua dan dapat bersama-sama hadir ke Mesyuarat Majlis Bilangan 12 Tahun 2019. Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis yang sentiasa bersama-sama memberikan kerjasama dan komitmen kepada Majlis bagi memastikan program dan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

1/21



Sebagai organisasi yang berteraskan perkhidmatan, Majlis perlu sentiasa prihatin dan peka terhadap keperluan dan ekspektasi penduduk. Justeru itu, beliau berharap agar layanan dan perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan Majlis adalah yang terbaik dan secara langsung mencerminkan kualiti, ketelusan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan secara keseluruhannya.

3.2 **`FRONTIER TECHNOLOGIES AS AN INNOVATION TOOL TO TRANSFORM WASTE TO WEALTH`.**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menganjurkan Persidangan Petaling Jaya Waste Summit pada 4 Disember 2019 yang lalu dengan bertemakan 'Frontier Technologies As An Innovation Tool To Transform Waste To Wealth' sama seperti tema sambutan Hari Habitat Sedunia Tahun 2019.

Pengisian utama di persidangan itu adalah segmen forum yang membahaskan isu kebersihan di Petaling Jaya yang menampilkan beberapa penceramah profesional jemputan. Dalam pada itu, turut berlangsung satu majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MOU) di antara MBPJ dengan KPJ Damansara Specialist Hospital yang akan bekerjasama dalam projek pengkomposan sisa makanan yang berkonsepkan 'Waste to Wealth'. Projek ini merupakan model kepada kaedah 'on-site disposal system' bagi pelupusan sisa makanan melalui teknologi 'Anaerobic Digester'.

Untuk makluman, projek pengkomposan merupakan sebahagian Strategi PJ Mampan 2030 yang diilhamkan oleh Majlis bagi mengatasi masalah pengurusan sisa pepejal yang tinggi kos pengurusannya. Pada tahun ini, Majlis telah membelanjakan sebanyak RM85 juta bagi perkhidmatan kutipan sampah dan pembersihan awam. Manakala bayaran fi di tapak pelupusan, Majlis turut menanggung kos sebanyak RM12 juta. Oleh yang sedemikian, Majlis akan mempertingkatkan usaha untuk melaksanakan projek kitar semula dengan melibatkan kerjasama daripada semua pemegang taruh (stakeholder) agar objektif penjimatan dapat dicapai. Majlis telah mensasarkan sebanyak 30 peratus (%) unit kediaman di Petaling Jaya untuk melakukan aktiviti kitar semula pada tahun ini.

3.3 **FOKUS PENGURUSAN INFRASTRUKTUR.**

Majlis akan memberikan tumpuan dan fokus utama terhadap pengurusan infrastruktur di kawasan pentadbiran Petaling Jaya agar berada di dalam keadaan yang baik dan selamat. Program menaiktaraf jalan raya, sistem saliran, sistem pencahayaan dan kemudahan awam

menjadi keutamaan Majlis pada setiap masa. Walaupun berhadapan dengan kekurangan sumber hasil, Majlis tetap berusaha memastikan penyelenggaraan dan pembaikan infrastruktur di beri penekanan.

Bagi pelaksanaan tahun 2020, Majlis bercadang untuk menaik taraf jalan dan perparitan di Jalan PJS3/40 untuk mengatasi masalah banjir yang disebabkan oleh pemendapan tanah di kawasan berkenaan. Projek ini dicadangkan dengan anggaran bajet berjumlah RM4 juta. Selain itu, Majlis juga memperuntukan RM2 juta bagi mengatasi masalah banjir di SS7/18 dengan menaik taraf tebatan banjir di SS5A/18 dan juga tebatan banjir di parit Jalan Sg. Jernih 8/1 – Jalan Templer (Fasa 1). Selain projek yang telah dikenalpasti tempatnya, Majlis juga memperuntukan RM1 juta bagi penyelenggaraan longkang yang tidak berjadual.

Program penyelenggaraan jalan akan diteruskan dengan kos penyelenggaraan adalah RM3.7 juta yang meliputi kerja menurap lorong belakang dan lorong tepi, pembelian batu jalan yang akan dibuat secara 'in-house' oleh pasukan 'Road Gang', penyelenggaraan kontrak tahunan di sekitar Petaling Jaya dan juga penyelenggaraan siar kaki dan bebendul jalan. Untuk makluman, Majlis dianggarkan akan menerima Geran Penyelenggaraan Jalan (MARRIS) berjumlah RM30 juta pada tahun 2020.

Bagi program menaik taraf lalulintas, ianya diteruskan dengan kos penyelenggaraan berjumlah RM2.3 juta dengan melibatkan kerja menaik taraf perabot jalan dan garisan jalan. Majlis akan melaksanakan syor kajian di persimpangan Lebuhraya Bandar Utama BU12/1 dan BU12/7 dengan kerja-kerja yang akan dijalankan seperti pembinaan lorong susur, pembinaan bebendul jalan, pemindahan lampu jalan, mengecat garisan jalan dan juga pemasangan papan tanda isyarat. Kerja ini melibatkan kos sebanyak RM300,000. Majlis juga akan menaik taraf tempat letak kereta berhampiran Stesen LRT Asia Jaya yang mana projek ini telah bermula pada tahun 2019 dan bersambung ke tahun 2020 melibatkan kos pada tahun 2020 adalah RM400,000.

Beliau percaya kaedah pengurusan infrastruktur dan penyelenggaraan berterusan, secara sistematik adalah satu tanggungjawab Majlis yang perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan diberi sepenuh perhatian bagi memastikan infrastruktur yang disediakan berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan.

Dalam masa yang sama, beliau ingin menegaskan bahawa perkara pokok dan asas yang penting dalam mencapai matlamat ini, adalah perubahan minda dan sikap kepada mentaliti kelas pertama. Ini adalah

penting, sama ada peringkat Majlis yang menguruskan infrastruktur dan aset Majlis, mahupun bagi masyarakat dan orang ramai yang dipertanggungjawabkan ketika menggunakannya. Sudah sampai masanya, orang ramai dan masyarakat daripada terus menerus membuat aduan demi aduan kerosakan sebaliknya bersama-sama Majlis menjaga segala kemudahan yang disediakan. Setiap pihak perlu merasa bertanggungjawab terhadap semua kemudahan yang disediakan untuk kegunaan bersama ini.

3.4 **PENAMBAHBAIKAN DAN PEMERKASAAN DASAR PELESENAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menyediakan garis panduan baru bagi penambahbaikan dan pemerkasaan perkhidmatan kepada pelanggan. Garis panduan ini mengandungi proses dan langkah-langkah menyeluruh ke arah pengurusan serta pengawalan pelesenan yang sistematik. Penambahbaikan dan pemerkasaan dasar pelesenan terkini adalah seperti berikut:

a) **Garis Panduan Pelaksanaan Sistem Demerit Di Dalam Pengurusan Usahawan Mikro Di Petaling Jaya.**

Majlis akan melaksanakan Sistem Demerit (sistem pemarkahan) bagi setiap pelanggaran syarat yang dilakukan oleh Usahawan Mikro (Penjaja) di Petaling Jaya mulai tahun 2020. Sistem Demerit ini adalah suatu prosedur penolakan markah atau mata demerit kepada sesuatu kesalahan atau pelanggaran syarat yang dilakukan oleh penjaja.

Sistem ini bertujuan untuk memastikan semua pemegang lesen mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis. Pelanggaran syarat yang dilakukan oleh pemegang lesen dikategorikan kepada dua, iaitu Kesalahan Kritikal dimana kesalahan yang dilakukan menyebabkan kacau ganggu kepada pihak berkepentingan dan Kesalahan Tidak Kritikal, kesalahan yang tidak menyebabkan kacau ganggu kepada pihak berkepentingan

Pelaksanaan Sistem Demerit ini adalah merujuk kepada punca kuasa yang terdapat di dalam Undang-undang Kecil Penjaja MBPJ 2007.

Kaedah pelaksanaan 'Standard Operating Procedures' (SOP) Pelaksanaan Penolakan Markah Sistem Demerit adalah seperti berikut:

- i. Peniaga akan diberikan Notis Peringatan Pertama sekiranya 20% markah demerit pertama telah diterima oleh Pemegang Lesen Usahawan Mikro.
- ii. Notis Peringatan Kedua akan dikeluarkan kepada Pemegang Lesen Usahawan Mikro sekiranya 40% markah demerit terkumpul (20% + 20%) telah diterima berdasarkan pelanggaran syarat yang telah dibuat.
- iii. Notis Pembatalan Lesen akan dikeluarkan kepada Pemegang Lesen Usahawan Mikro sekiranya 50% markah demerit terkumpul (40% + 10%) telah diterima berdasarkan pelanggaran syarat yang telah dibuat.
- iv. Jumlah markah yang ditolak adalah termaktub untuk tahun semasa tersebut sahaja dan tidak akan dibawa ke tahun hadapan.

Pelaksanaan Sistem Demerit ini telah dimasukkan di dalam syarat lesen bagi tahun 2020 dan notis pemberitahuan telah pun diedarkan kepada pemegang lesen Usahawan Mikro mulai bulan Ogos 2019. Tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2020 dan akan dilakukan secara bersepadu bersama jabatan teknikal Majlis.

b) Pelaksanaan Permit Sementara Serta Merta Usahawan Mikro (Bermasa) Di Kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Majlis telah menjalankan kaji selidik terhadap penjaja tanpa lesen di sekitar Petaling Jaya dengan merekodkan sebanyak 1,176 penjaja tanpa lesen (PTL) bermula Mac 2019 sehingga Julai 2019.

Berdasarkan kaji selidik tersebut, satu pelaksanaan Garis Panduan Permit Sementara Serta Merta Usahawan Mikro ini diwujudkan bertujuan bagi mengurangkan isu peniaga tanpa lesen (PTL) di sekitar Petaling Jaya dan dapat meningkatkan ekonomi Usahawan Mikro serta dapat meningkatkan kawalan peniaga yang berlesen supaya menjalankan perniagaan di kawasan yang dibenarkan sahaja. Melalui data kaji selidik yang telah dilaksanakan, Majlis juga telah merekodkan dan membuat pemetaan (Plotting) di dalam Dashboard PJ Smart City di bawah kategori 'i-hawkers'.

Perkara utama yang boleh dipertimbangkan bagi kelulusan Permit Sementara Serta Merta adalah dengan mengenal pasti lokasi perniagaan yang dibenarkan, jenis jualan yang dipertimbangkan, tempoh masa perniagaan, logistik yang digunakan dan pra kelulusan kepada penjaja.

Tempoh masa perniagaan yang dibenarkan bagi Permit Sementara Serta Merta adalah empat jam dan pembaharuan permit adalah bagi tempoh satu bulan sahaja tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis.

Punca kuasa yang diguna pakai adalah merujuk kepada Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan juga Undang-Undang Kecil Penjaja MBPJ (2007).

c) **Pra Kelulusan Permit Kerusi Meja Secara Serta-Merta Di Lapangan Dan Pindaan Kelulusan Had Maksimum Kerusi Meja Yang Dibenarkan.**

Berdasarkan rekod tindakan kompaun yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Penguatkuasaan mendapati sebanyak 3,783 kompaun pada tahun 2019 telah dikeluarkan atas kesalahan halangan kerusi meja.

Mengikut rekod Jabatan Penguatkuasaan yang telah dikeluarkan, lokasi utama kesalahan halangan tempat awam telah dikenakan adalah di PJS 1 Petaling Utama, PJS 8 Sunway Mentari, SS21 Damansara Utama, PJU 8 Damansara Perdana, PJU 5 Dataran Sunway, Kota Damansara dan Bandar Sri Damansara. Antara jenis-jenis kesalahan halangan tempat awam yang terdapat di lapangan adalah halangan di siar kaki, halangan di dalam petak tempat letak kereta dan halangan gerai di siar kaki.

Justeru itu, penambahbaikan bagi pengeluaran permit sementara kerusi meja dibuat iaitu mengeluarkan pra kelulusan permit sementara kerusi meja di lapangan, pemilihan lokasi, waktu operasi kelulusan meletakkan kerusi meja di tempat letak kereta, aspek keselamatan, pemakluman kelulusan permit kerusi meja dipamerkan di luar premis, tiada struktur kekal dibenarkan di kawasan berkenaan, had maksimum kerusi meja, tempoh kelulusan permit sementara kerusi meja, `insurans public liability` mengikut jumlah meja iaitu satu hingga dua puluh meja (1-20 meja) perlu mengambil RM100,000 `insurans public liability` dan tambahan setiap sepuluh (10) meja perlu membuat tambahan sebanyak RM50,000 `insurans public liability`, pelanggaran syarat dan Pelekat kelulusan.

Melalui mesyuarat Jawatankuasa, Majlis telah meluluskan cadangan mengeluarkan pra kelulusan permit kerusi meja secara serta merta dengan kaedah bayaran penuh atau bayaran 50% permit kerusi meja berserta bayaran cagaran yang akan dikenakan di lapangan.

d) **Pra Kelulusan Dan Kelulusan Permit Meletakkan Kenderaan Motorsikal Dan Basikal Di Luar Premis.**

Berdasarkan rekod tindakan sitaan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Penguatkuasaan mendapati sebanyak 687 sitaan pada tahun 2019 atas kesalahan halangan tempat awam.

Melalui Mesyuarat Teknikal Pelesenan Bil. 7 Bertarikh 30 September 2019 bersetuju melesenkan aktiviti meletakkan kenderaan motorsikal atau basikal di luar premis dengan syarat lebihan siar kaki mestilah mencukupi untuk laluan OKU dan kelulusan mengeluarkan lesen juga perlu melihat kepada keluasan siar kaki di kawasan premis yang dipohon.

Justeru itu, Majlis telah meluluskan cadangan penambahbaikan pra kelulusan dan kelulusan permit meletakkan kenderaan motorsikal dan basikal di luar premis di dua lokasi iaitu di kawasan komersial dan di kawasan industri.

Melalui mesyuarat Jawatankuasa, Majlis telah meluluskan cadangan mengeluarkan pra kelulusan Permit Meletakkan Kenderaan Motorsikal dan Basikal Di Luar Premis secara serta merta dengan kaedah bayaran penuh atau bayaran 50% dan Permit Meletakkan Kenderaan Motorsikal dan Basikal Di Luar Premis berserta bayaran cagaran yang akan dikenakan di lapangan.

3.5 **PELAKSANAAN SISTEM LALU LINTAS BAHARU MENGGANTIKAN SISTEM LALUAN KONTRA.**

MBPJ komited untuk mengambil tindakan jangka panjang dalam menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang berlaku pada setiap hari bekerja pada waktu puncak pagi dan petang di sepanjang Jalan Templer, Jalan Gasing, Jalan Othman dan persimpangan Lebuhraya Baru Pantai – Jalan Templer.

Majlis telah menjalankan kajian lalu lintas di jalan-jalan tersebut dan telah melaksanakan cadangan jangka pendek iaitu laluan kontra di jejambat Gasing dan sebahagian Jalan Templer sejak tahun 2016 pada waktu petang dan juga penutupan laluan belok kanan dari Jalan Templer ke Jalan Gasing serta Jalan Othman pada waktu pagi.

Bagi penyuraian trafik jangka panjang, Majlis akan melaksanakan sistem lalu lintas baharu bagi menggantikan laluan kontra sedia ada yang dijangka akan dapat meredakan kesesakan lalu lintas di sepanjang Jalan Templer, Jalan Gasing, Jalan Othman dan persimpangan Lebuhraya Baru Pantai - Jalan Templer.

Pelaksanaan skim pengurusan lalu lintas baharu ini akan mula dilaksanakan secara percubaan selama tempoh 1 bulan mulai 23 Disember 2019 sehingga 24 Januari 2020.

Adalah dinasihatkan kepada pengguna jalan raya agar memberikan kerjasama dengan mematuhi semua arahan dan isyarat lalu lintas bagi melancarkan aliran trafik.

3.6 KESIHATAN DAN KEBERSIHAN DI PETALING JAYA

Jumlah kes demam denggi bagi tahun 2019 sehingga minggu epid 49 adalah sejumlah 7283 kes demam denggi yang telah dilaporkan. Jumlah ini menunjukkan peningkatan kes sebanyak 217 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2018 dengan 3352 kes. Walaubagaimanapun, jumlah ini merupakan jumlah yang terendah berbanding 2 PBT yang lain di daerah Petaling. Tiada kes kematian terbaru dilaporkan. Lokaliti wabak hotspot yang aktif dilaporkan sehingga minggu epid 49 (7/12/2019) di kawasan pentadbiran Majlis adalah sebanyak 16 lokaliti, manakala hotspot terkini dilaporkan pada minggu epid 49 (4/12/2019) sebanyak 16 lokaliti wabak yang dilaporkan.

3.7 PASUKAN KESELAMATAN KEJIRANAN PETALING JAYA 2020

Majlis Bandaraya Petaling Jaya meneruskan kesinambungan Program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) pada tahun 2020 dengan memperuntukan sebanyak 1.3 juta kepada Persatuan Penduduk (RA), Rukun Tetangga (RT) dan Badan Pengurusan Bersama (JMB) yang memenuhi syarat dan kriteria.

Pada tahun ini, Majlis telah memberikan sumbangan peruntukan RM6,000.00 kepada 177 permohonan Pasukan Keselamatan Keselamatan yang terbahagi kepada 107 Persatuan Penduduk (RA), 40 Rukun Tetangga (RT) dan 30 Badan Pengurusan Bersama (JMB).

Sehubungan dengan itu, Majlis dengan ini mempelawa semua RA, RT dan JMB di kawasan pentadbiran Petaling Jaya yang layak dan memenuhi syarat/kriteria yang ditetapkan untuk membuat permohonan peruntukan bagi tahun 2020 secara atas talian melalui portal PKKPJ di

pautan <http://pkkpj.mbpj.gov.my> mulai 1 Januari 2020 sehingga 15 Februari 2020. Pihak RA, RT dan JMB boleh melayari laman sesawang Majlis di <http://www.mbpj.gov.my> untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan manual penggunaan Portal PKKPJ ini. Majlis akan terus bekerjasama dan memberikan sokongan kepada RA/RT/JMB bagi mencapai maksud tujuan ini.

Sepanjang tahun 2019, Majlis telah berjaya memperolehi pencapaian cemerlang dan anugerah di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Pastinya, kejayaan tersebut adalah hasil usaha dan komitmen semua pihak. Semoga dengan kejayaan ini akan menerbitkan semangat untuk terus mencapai kejayaan yang berterusan dan lebih baik di masa hadapan.

Di kesempatan ini juga, beliau mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas dan Tahun Baru 2020 kepada semua. Semoga segala perkara, aktiviti mahupun program yang direncanakan pada tahun hadapan akan membuatkan kita semakin bersemangat tinggi, berdedikasi dan berintegriti dalam menjalankan tugas harian. Jadikanlah segala urusan kita pada tahun ini sebagai satu tanggungjawab dan beriltizam untuk menghasilkan perkhidmatan yang lebih baik dan berkualiti pada tahun hadapan.

4. **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 11 TAHUN 2019 (PENGGAL 2018/2020).**

4.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 11 Tahun 2019 bagi penggal 2018/2020 bertarikh 27 November 2019 disahkan tanpa pindaan.

5. **LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 11 TAHUN 2019 (PENGGAL 2018/2020) YANG TELAH DIADAKAN PADA 27 NOVEMBER 2019.**

Tiada



6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS.

6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 2 DISEMBER 2019 DAN 9 DISEMBER 2019.

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (109))

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (111))

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah, Sumber Manusia, MBPJ.

6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 26 NOVEMBER 2019 DAN 3 DISEMBER 2019.

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (12))

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (14))

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit Pusat Setempat, MBPJ.

6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA BANTAHAN NILAIAN HARGA BERTARIKH 5 DISEMBER 2019.

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (61))

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.

6.4 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN
PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 5 DISEMBER 2019.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 3 (35))**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan tambahan ayat bagi perkara y perenggan akhir di mukasurat 37 iaitu:

.. yang ditetapkan kepada penjaja adalah sama setiap bulan tidak kira peniaga berniaga satu (1) hari atau 30 hari.

**Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perkhidmatan
Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.**

6.5 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 5 DISEMBER 2019.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 3 (33))**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara xiii) di muka surat 13 dengan mengeluarkan ayat bagi perenggan 4 iaitu:

Bagi tujuan penanda aras (benchmarking) dan menambahbaik pengurusan sedia ada beliau mencadangkan supaya Majlis mengadakan lawatan teknikal tersebut ke luar negara. (dikeluarkan dari minit)

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan,
MBPJ.**

6.6 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER
BERTARIKH 26 NOVEMBER 2019 DAN 6 DISEMBER 2019.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (69))
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (71))**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.

6.7 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 9 DISEMBER 2019. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 3 (57))**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 7.2.1 di muka surat 25 seperti berikut:

7.2.1 Encik Terence Tan Teck Seng mengucapkan tahniah kepada kumpulan tarian singa di mana MBPJ telah membantu dari segi kemudahan tempat latihan.

Tindakan : Timbalan Pengarah, (Sumber Manusia), MBPJ.

6.8 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 7 NOVEMBER 2019. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 JLD. 2 (62))**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 7.1.1 dan 7.1.3 di muka surat 10 seperti berikut:

7.1.1 Beliau mengemukakan pertanyaan berkaitan cadangan bagi penyelenggaraan Tasik Komuniti oleh Puan Rahibah binti Che Omar di mana sebutharga tersebut betul cuma tajuk sahaja yang silap. Sehubungan dengan itu pihak syarikat akan mengeluarkan surat sebutharga dengan tajuk yang betul.

7.1.3 Tuan Sr. N.K. Thayalan a/l Krishnasamy juga membuat aduan berkenaan kerosakan lampu di tandas baru Tasik Bandaran. Sebagaimana yang dimaklumkan oleh Puan Rahibah binti Che Omar, beliau memohon penjelasan kenapa tandas awam tidak dapat digunakan sedangkan tandas tersebut baru sahaja siap dibina pada bulan Ogos lepas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.

6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 10 DISEMBER 2019.

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 3 (32))

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

6.10 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 10 DISEMBER 2019.

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD. 4 (70))

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

7. UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK DEREK JOHN FERNANDEZ

7.1.1 Implementasi `Sustainable Development Goals' (SDGs) dan Menaiktaraf Local Agenda 21.

Beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Perancangan Pembangunan, Ahli Majlis dan Jawatankuasa OSC kerana telah meluluskan beberapa langkah untuk menaiktaraf Implementasi `Sustainable Development Goals' (SDGs) dan juga menaiktaraf Local Agenda 21.

Beliau telah memaklumkan kepada media bahawa MBPJ telah menggunakan kuasa di bawah Seksyen 21(3)(g), Seksyen 21(A)(1))(g) dan Seksyen 21A(1)(ea) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang telah diluluskan oleh parlimen untuk membuat keputusan seperti berikut:

Semua permohonan untuk Kebenaran Merancang mesti mengandungi satu pernyataan bertulis tentang impak pembangunan yang dijalankan ke atas kualiti kehidupan dan satu (1) senarai semak akan disediakan oleh Majlis

dan penduduk sekitar berkaitan bagaimana penduduk ini akan diimpak oleh pembangunan. Pernyataan bertulis ini bertujuan untuk menjamin hak untuk dimasukkan ke dalam Kebenaran Merancang. Walaubagaimanapun taklimat kepada penduduk masih diteruskan seperti amalan biasa bagi mengetahui kesan pembangunan ke atas penduduk. MBPJ juga akan mengadakan mesyuarat (sekiranya perlu) bagi menganalisa data yang dikemukakan oleh pemohon untuk Kebenaran Merancang agar data yang dikemukakan oleh pemohon tetap sama, 'equiped' dan bermasa. Kebenaran merancang ini juga mengambilkira impak sosial dan impak infrastruktur dan perlu dikemukakan semasa permohonan.

Menurut pemahaman beliau, MBPJ merupakan PBT pertama di Malaysia yang menggunakan kuasa di bawah parlimen untuk mengimplimentasikan local agenda secara terus di dalam kehidupan.

7.2 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH PUAN RAHIBAH BINTI CHE OMAR.

7.2.1 Membudayakan Integriti.

Beliau mengucapkan tahniah kepada YBhg. Datuk Bandar yang sentiasa komited di dalam memperkasa tadbir urus dan nilai integriti di dalam MBPJ.

Tanpa integriti maka akan lahirlah:

- i) Tindakan terpilih.
- ii) Kerja yang sub-standard.
- iii) Rundingan pintu belakang.
- iv) Penganugerahan kontrak kerja kepada yang bukan ahli.
- v) Pemantauan yang longgar.
- vi) Pelaporan yang tidak benar.
- vii) Penawaran duit kopi dan lain-lain lagi agenda yang boleh melambatkan dan menggagalkan segala dasar-dasar yang diperkenalkan yang akhirnya boleh membawa kerugian kepada masyarakat dan negara.

Integriti merupakan pegangan teguh kepada nilai-nilai murni secara konsisten dengan disertakan komitmen secara menyeluruh sama ada melalui perkataan ataupun tindakan yang mampu menghasilkan kecemerlangan diri dan organisasi.

Bercakap tentang integriti seseorang tidak dapat lari dari menyebut sifat Amanah kerana Amanah merupakan satu nilai teras integriti, Amanah dalam perkataan, Amanah dalam tindakan.

Sheth dan Mittal dalam buku mereka bertajuk 'Customer Behaviour' menjelaskan pembinaan perwatakan manusia boleh dipupuk dan dibina melalui elemen budaya. Ada dua (2) point penting tentang pembinaan perwatakan manusia:

- i) Ia boleh dibina dan di pupuk - melalui latihan dalaman keperibadian.
- ii) Pembentukan budaya. Elemen budaya inilah antara penyumbang kejayaan bangsa Jepun. Budaya berkumpul dan budaya untuk tidak melanggar norma-norma yang di anuti ramai menjadikan mereka suatu bangsa yang kuat.

Tidak lama lagi kita akan melangkah ke tahun 2020. Sama-samalah kita bertekad menjadikan integriti sebagai budaya di MBPJ, sehingga kita mampu menyebut 'Saya Amanah' yang membawa maksud, 'Saya adalah orang yang berintegriti dan saya mendokong nilai-nilai amanah dalam apa jua kerja yang saya lakukan.'

Dengan ini, dasar-dasar yang di buat dapat berjalan dengan lancar dan tidak ada sebarang ruang salah laku. Dalam waktu yang sama persepsi masyarakat bahawa "Orang majlis dan Ahli Majlis sudah terima duit kopi" dapat dipecahkan. Sekian, semoga tahun 2020 membawa kehidupan yang lebih baik untuk kita semua. Bersama Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

7.3 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK AHMAD AKHIR BIN PAWAN CHIK

Beliau mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Majlis yang bekerja keras di kawasan masing-masing.

7.3.1 Selangor Maju Bersama

Mengambil pendekatan dan misi Selangor Maju Bersama untuk menjadikan Negeri Selangor terkenal di peringkat antarabangsa, pilihan utama pelabur dan pelancong serta suasana hidup untuk masyarakat tempatan untuk menikmati kehidupan yang lebih mampan.

15/21



Bagi merealisasikan hasrat tersebut, PBT perlu mengambil inisiatif serta menitikberatkan aspek di dalam usaha menangani masalah jenayah, kesesakan lalulintas dan lain-lain isu.

Beliau bersetuju dengan ucapan YBhg. Datuk Bandar berkaitan Pelaksanaan skim pengurusan lalu lintas baharu yang akan dilaksanakan secara percubaan selama tempoh 1 bulan mulai 23 Disember 2019 sehingga 24 Januari 2020. Beliau berharap agar Majlis melihat kawasan pemantauan beliau terutama `bypass' KESAS.

Beliau turut bersyukur kerana Majlis telah mempunyai 17 Global Goals di mana anugerah kepada hero-hero yang dilantik telah disampaikan di dalam program malam tadi. Beliau berharap apa yang sedang dilakukan oleh Majlis akan dapat menyelesaikan masalah yang timbul.

7.3.2 Tadbir Urus Yang Cemerlang dan Berintegriti

Misi untuk mencapai kejayaan merupakan serampang dua mata bagi melaksanakan tadbir urus yang cemerlang serta berintegriti dan terlus agar tindakan tidak tersasar di dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk Petaling Jaya.

Beberapa penambahbaikan perlu dibuat seperti penyelesaian bersepadu di dalam:-

a) Isu pembuangan sampah haram di tebing Sungai Klang.

Isu ini telah lama berlarutan dan memerlukan tindakan bersepadu daripada pelbagai agensi dan persatuan. Pembabitkan agensi luar seperti Pejabat Tanah, persatuan penduduk, JMB dan lain-lain agensi amat penting bagi memastikan masalah yang sekian lama membelenggu kawasan ini dapat diselesaikan segera.

b) Isu Anjing Liar.

Isu yang berlarutan semenjak beliau dilantik menjadi Ahli Majlis iaitu tahun 2012. Pelbagai usaha tangkapan anjing liar dibuat akan tetapi tidak memadai memandangkan sekali tangkapan hanya membabitkan 12 ekor anak anjing

dan anjing yang kurang upaya berbanding dengan jumlah yang mencecah ratusan ekor.


Kehadiran anjing-anjing liar ini mengganggu keselamatan penduduk di mana berlakunya kemalangan akibat dikejar anjing dan digigit anjing. Selain daripada itu anjing liar tersebut juga memasuki rumah ibadah serta naik sehingga ke tingkat 9 kediaman penduduk.

Sehubungan dengan itu beliau berharap agar jabatan terlibat bekerjasama dalam penyelesaian isu anjing liar di kawasan pemantauan beliau dan kawasan lain di Petaling Jaya.

c) Pengindahan Kawasan Tepi Jalan.

Beliau mencadangkan agar Majlis membuat pengindahan di tepi-tepi jalan yang dipenuhi dengan khemah-khemah peniaga serta warung-warung yang dibina serta ditinggalkan di tepi jalan. Dari segi pemandangan dilihat seperti kawasan setinggian walaupun telah menjadi sebuah bandaraya dan menuju bandaraya lestari.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.31 pagi. YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli Mesyuarat. Sekali lagi beliau mengucapkan Selamat Hari Krismas dan Selamat Tahun Baru 2020 dan berharap agar dapat berjumpa lagi pada tahun depan.


(JOHARY BIN ANUAR) AMS
Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 16 Disember 2019

LAMPIRAN KEHADIRAN**HADIR:**

1. YBhg. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar, D.P.M.S., S.M.S.,
Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
2. Tuan Johary bin Anuar, A.M.S.,
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
3. Encik Terence Tan Teck Seng,
Ahli Majlis, MBPJ.
4. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
5. Encik Zamri bin Mohamad,
Ahli Majlis, MBPJ.
6. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
7. Encik Tang Fuei Koh, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
8. Encik Ong Swee Long,
Ahli Majlis, MBPJ.
9. Encik Derek John Fernandez, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Puan Elaine Magdaline Nathaniel,
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Wong Swee Sang,
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Chan Pak Keung,
Ahli Majlis, MBPJ.

SULIT

14. Y.M. Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Ahli Majlis, MBPJ.
15. Encik Leong Chee Cheng,
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Encik Loyis Anak Uding,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Ong Yew Thai,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Puan Quratulain Atiqah binti Norzahirul Anuar,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Tuan Sr. Thayalan a/l Krishnasamy,
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Encik Farhan Haziq bin Mohamed,
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Puan Sakinah Bibi Nagoor,
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Puan Rahibah binti Che Omar,
Ahli Majlis, MBPJ.

TIDAK HADIR:

1. Encik Mohamad Shakirien bin Dato' Abd Razak, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.
2. Puan Ermeemarianna binti Saadon, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.
3. Encik Anwar bin Nekhan, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.
4. Puan Nurainie Haziqah binti Shafi'i, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.



HADIR BERSAMA:

1. Puan TPr. Hjh. Sharipah Marhaini binti Syed Ali, P.P.T.,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
2. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, A.M.S., P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan,
3. Puan Fairuz Munira binti Mahmood,
Wakil Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
4. Tuan Ir. Haji Ismail bin Shafie, A.M.S.,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
5. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, P.P.T., M.R.I.S.M.,
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
6. Puan Nor Ain binti Adam,
Wakil Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
7. Puan Hamidah binti Hj. Ariffin, P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
8. Puan Zuraidah binti Sainan,
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
9. Puan Mahzura binti Mohd Amin,
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop, P.J.K.,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Encik Muhammad Khairul Asyraf bin Rusli,
Wakil Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Norzita binti Mokhtar,
Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.

20/21

SULIT

14. Encik Samsu Bahari bin Nonchi, A.M.S.,
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
15. Puan Haniza binti Abdul Hamid, P.P.T.,
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
16. Puan Hjh. Norlida binti Md. Isa P.J.K.,
Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.
17. Puan Sr. Jayanthi a/p Kupusamy,
Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
18. Puan Tee Szu Fong,
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
19. Puan Sr. Hajah Saliza binti Mohd Masri, M.R.I.S.M.,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

TURUT HADIR:

1. Encik M. Fakhrur Razi,
Wakil ADUN Taman Medan.

URUSETIA :

1. Puan Haslida binti Samat, P.P.S.,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
2. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
3. Puan Nur Zaidah binti Abd. Kadir,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

21/21

**SULIT**